



**KENYATAAN MEDIA**

**SWM KASIH SANTUNI ANAK YATIM DAN IBU TUNGGAL**

---

**(Seremban, 09 Mei 2019)** Syarikat konsesi SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) menerusi SWM Kasih menyantuni 13 orang anak-anak dari Pusat Jagaan Anak-Anak Yatim Walidaina dan tiga orang anggota dan kakitangan sokongan Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban (IPD Seremban) yang berstatus ibu tunggal beriftar serta menyampaikan sumbangan di Royale Chulan Seremban.

“Bertepatan dengan bulan Ramadan Al-Mubarak bulan yang mulia, pihak pengurusan dan kakitangan syarikat membawa anak-anak daripada Pusat Jagaan Anak-Anak Yatim Walidaina membeli-belah di pasaraya Mydin Mall Seremban 2 bagi membeli kelengkapan persediaan menyambut lebaran yang bakal tiba tidak lama lagi,” kata Pengurus Besar Hal Ehwal Korporat, Tuan Haji Mohd Norlisam Bin Haji Mohd Nordin.

Tambah beliau lagi, aktiviti tersebut dapat memberikan keceriaan kepada anak-anak tersebut yang turut sama dapat merasai pengalaman membeli-belah kelengkapan hari raya seperti anak-anak yang lain. Seramai 20 orang kakitangan daripada SWM Environment bertugas untuk menemani anak-anak ketika membeli-belah kelengkapan menyambut lebaran.

Program tersebut turut mendapat perhatian dan kerjasama Royale Chulan Seremban selaku rakan budiman yang menaja lokasi dan sebahagian kos jamuan iftar. Manakala, pasaraya Mydin Seremban 2 turut menawarkan harga istimewa bagi program kemasyarakatan ini.

Pada tahun ini, pihak syarikat telah memperluaskan penerima sumbangan SWM Kasih dengan bekerjasama bersama Ibu Pejabat Polis Daerah Seremban (IPD Seremban) dengan membantu menyenarai pendek penerima yang terpilih mengikut kriteria yang ditetapkan.

Kriteria tersebut dilakukan berdasarkan status anggota dan kakitangan sokongan yang berstatus ibu tunggal, mempunyai tanggungan yang ramai atau anak kelainan upaya (OKU). Melalui sumbangan SWM Kasih ini dapat membantu memberikan keceriaan kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka untuk menyambut bulan Ramadan dengan lebih bermakna.

Diharapkan melalui penganjuran program seperti ini dapat menarik lebih ramai lagi rakan-rakan budiman untuk turut serta menceriakan golongan yang memerlukan bersama-sama dengan SWM Kasih.



**SWM ENVIRONMENT**

Bagi sebarang aduan atau pertanyaan sila hubungi talian Indahkan Malaysia di **1-800-88-7472** atau layari [www.swm-environment.com/microsite/](http://www.swm-environment.com/microsite/) bagi maklumat lanjut.

**TAMAT**

---

**FAKTA**

**SWM ENVIRONMENT SDN BHD**

SWM Environment Sdn Bhd. (SWM) adalah syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan bagi mengendalikan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi Zon Selatan Semenanjung Malaysia (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor). SWM memberikan perkhidmatan kepada lebih 5 juta isi rumah dengan tenaga kerja seramai kira-kira 8,000 orang dan mempunyai kenderaan serta jentera melebihi **1000** buah pelbagai jenis kegunaan. Sila layari laman web [www.swm-environment.com](http://www.swm-environment.com) untuk mendapatkan maklumat lanjut.